

D918

U B988 AAB  
MAHATHIR - MINYAK

KUALA LUMPUR, 23 SEPT (BERNAMA) -- MINYAK DARI NEGARA INI TELAH  
DISELUDUP KELUAR MEMANDANGKAN HARGANYA YANG RENDAH, KATA PERDANA  
MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BELIAU BERKATA, PENYELUDUPAN ITU SEKARANG MENINGKAT DENGAN  
BEGITU PESAT KERANA HARGA BAHAN ITU DI NEGARA INI RENDAH BERBANDING  
DENGAN DI NEGARA-NEGARA JIRAN, EKORAN KENAIKAN HARGA PASARAN MINYAK  
DUNIA DISEBABKAN KRISIS TELUK.

PENYELUDUPAN ITU SECARA TIDAK LANGSUNG BERMAKNA ORANG ASING  
MEMANFAATKAN SUBSIDI YANG DIBERI OLEH KERAJAAN UNTUK MENSTABILKAN  
KENAIKAN HARGA MINYAK, KATANYA KEPADA PEMBERITA SEMASA MENGHADIRI  
HARI KELUARGA PUSPANITA, KEMENTERIAN DALAM NEGERI, DI TAMAN TASIK  
PERDANA, DI SINI.

DALAM PADA ITU PULA, KATANYA, TERDAPAT CADANGAN DAP SUPAYA HARGA  
MINYAK TIDAK DINAIKKAN LANGSUNG.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA KENAIKAN HARGA MINYAK TIDAK  
BOLEH DIJADIKAN ALASAN UNTUK MENAIKKAN HARGA BARANG-BARANG DENGAN  
SEWENANG-WENANGNYA. -- LAGI  
1647MST 23 09 90

D919

U B990 AAB  
MAHATHIR - MINYAK 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, KENAIKAN HARGA MINYAK DI NEGARA INI SETAKAT INI CUMA 6  
SEN SEDANGKAN DI BEBERAPA NEGARA KENAIKANNYA IALAH SEHINGGA 100  
PERATUS.

+KALAU HARGA MINYAK NAIK 100 PERATUS MEMANG ADA KESAN,+ KATANYA.

TETAPI, MENEURUT PERDANA MENTERI, MINYAK BUKANNYA SATU-SATUNYA  
FAKTOR YANG MENENTUKAN KOS PENGELUARAN BERTA PENGEDARAN BARANGAN ITU  
KERANA MUNGKIN MINYAK YANG DIGUNAKAN UNTUK SESUATU BARANGAN HANYA 10  
PERATUS SAHAJA.

+JADI KALAU 10 PERATUS DAN HARGA MINYAK NAIK 6 SEN, KENAIKAN  
(HARGA) ITU BARU 0.6 SEN, JADI TAK BOLEH BERI ALASAN SEBAB HARGA  
MINYAK NAIK,+ KATANYA.

KERAJAAN TELAH MEMBUAT KAJIAN MENYELURUH TENTANG KESAN SEBENAR  
KENAIKAN HARGA MINYAK KE ATAS SEMUA BARANGAN YANG DIPASARKAN DI  
NEGARA INI. -- BERNAMA

1649MST 23 09 90